

## ANALISIS AKTA PENCEGAHAN RASUAH PENGGAL 131, MENURUT PERSPEKTIF SYARA'

### *PREVENTION CORRUPTION ACT, CAP 131 ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF SYARA'*

Hairane Binti Haji Jambol<sup>1</sup>  
Dr Zurairatul Zakiah Binti Dato Seri Setia Hj Rajid<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei,  
(E-mail: 22mr1050@siswa.unissa.edu.bn)

<sup>2</sup>Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei.  
(E-mail: zurairatul.hj rajid@unissa.edu.bn)

#### Article history

**Received date** : 11-12-2023  
**Revised date** : 12-12-2023  
**Accepted date** : 10-4-2024  
**Published date** : 15-4-2024

#### To cite this document:

Jambol, H., & Rajid, Z. Z. (2024). Analisis Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131, Menurut perspektif syara'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 424 – 437.

**Abstrak:** Amalan pemberian hadiah dianggap baik kerana ianya boleh mengeratkan hubungan silaturahim dan menimbulkan perasaan kasih sayang sesama manusia diiringi dengan niat yang ikhlas tanpa mengharapkan balasan apa-apa daripadanya. Manakala hadiah yang berselindung dibalik niat buruk bagi mencapai tujuan yang tertentu, maka ia dinamakan rasuah. Menurut hukum syara' perbuatan rasuah adalah perbuatan yang keji dan dilarang kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah dan ianya juga memberi kesan negatif kepada masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan Negara Brunei Darussalam memandang serius dan sentiasa berusaha menentang jenayah rasuah dengan menubuhkan satu agensi penguatkuasa undang-undang yang dinamakan sebagai Jabatan Biro Mencegah Rasuah (BMR). Peruntukan-peruntukan bagi kesalahan rasuah ada termaktub di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 yang mana memberi kuasa kepada BMR untuk menyiasat kesalahan rasuah sama ada di dalam sektor awam dan sektor swasta. Sungguhpun terdapat beberapa kajian lepas sebagai usaha untuk memberikan kesedaran masyarakat tentang kesalahan jenayah rasuah di Negara Brunei Darussalam, namun kajian-kajian ini tidak menganalisis Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131 menurut perspektif syara' di Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, kajian perlu dibuat untuk menganalisis kesalahan-kesalahan rasuah berdasarkan Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131 dan bentuk hukuman jika disabitkan dengan kesalahan rasuah. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan untuk memperoleh data dan maklumat serta mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan terdiri daripada buku, tesis, jurnal, data daripada laman sesawang BMR dan laporan berita tempatan bagi mengongsikan kes-kes sebenar yang telah berlaku di Negara Brunei Darussalam. Perbincangan juga berdasarkan beberapa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Di akhir kajian, dapatan-dapatan yang diperolehi akan dapat mengutarakan beberapa cadangan penambahbaikan dalam membenters gejala rasuah di Negara Brunei Darussalam.

**Kata Kunci:** Rasuah-Akta Pencegahan Rasuah-Brunei-Islam-Pemberian

**Abstract:** *Gift handling with sincere intentions is considered a good practice as it can strengthen relationship and love among people without expecting anything in return. If a gift comes with the bad intention of achieving a certain goal, then it is called corruption. According to Islamic law corruption is abominable and prohibited act because its include consuming or taking other people's property. It also has negative impacts on society and country. Therefore, the government of Brunei Darussalam takes it seriously and always strives to combat corruption by etsbalishing a law enforcement agency called Anti Corruption Bureau (ACB). The provison regarding corruption are stated in the Prevention of Corruption Act, Chapter 131 which authorises the ACB to investigate corruption offences in both public and private sectors. Although there have been several previous studies as an effort to provide public awareness on corruption offences in Brunei Darussalam, those studies have not analysed the Prevention Corruption Act, Chapter 131 from the perspective of syara' in Brunei Darussalam. As a result, this article would like to offer research on analysing corruption offences based on the Prevention Corruption Act, Chapter 131 and the punishment if the said offences are convicted. This study uses library research to obtain data and information and examine related documents such as books and theses, online journal, data from ACB website and local news report to share the real cases that have been occurred in Brunei Darussalam. This discussion is also based on some related verses of the Quran. This study is anticipated to express some suggestion for improvement in combating corruption in Brunei Darussalam.*

**Keywords:** *Corruption-Prevention Corruption Act- Brunei-Islam-Gift.*

## **Pengenalan**

Tiada negara yang boleh mendakwa dirinya bebas daripada jenayah rasuah (Mohd Zaini, 2008) termasuklah Negara Brunei Darussalam. Ini berdasarkan daripada laporan *Transparency International (TI)* mengenai Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index (CPI)* pada tahun 2021 terhadap 180 buah negara yang di kaji selidik di seluruh dunia di mana Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-35 sama seperti kedudukannya pada tahun 2019. Kedudukan ini juga menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-2 di ASEAN selepas Singapura dan Negara Brunei Darussalam berkongsi kedudukan bersama Botswana, Israel dan Lithuania. Ini menunjukkan penurunan Indeks Negara Brunei Darussalam menurun empat anak tangga jika dibandingkan dengan hasil kajian yang sama bagi tahun 2018 yang mana Negara Brunei Darussalam ditempatkan di tangga yang ke-31 daripada 180 negara-negara yang dikaji selidik (Media Permata, 2021). Penurunan ini menggambarkan berlakunya peningkatan gejala rasuah di Negara Brunei Darussalam. Justeru, bagi mengengkang penularan terus berleluasa, pihak kerajaan Brunei telah menubuhkan satu agensi penguatkuasa undang-undang yang dinamakan Jabatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) pada tahun 1981. BMR telah diberi mandat oleh pihak kerajaan Brunei untuk menyiasat mana-mana kesalahan rasuah yang termaktub di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Pada asalnya Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dikenali dengan nama Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), namun selepas Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, undang-undang negara Brunei Darussalam telah dipinda dan disusun semula termasuklah Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981, kemudian ditukar kepada Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Akta ini mengandungi 40 bab dan dibahagikan kepada 7 bahagian, Pindaan 2019 sepertimana di dalam **Jadual 1:** -

**Jadual 1: Kerangka susunan dan isi kandungan Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.**

Bahagian	Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.
I	Pendahuluan
II	Biro Mencegah Rasuah
III	Kesalahan dan Penalti
IV	Siasatan, Penangkapan, Pengeledahan dan Penyitaan
V	Bukti
VI	Pendakwaan dan Perbicaraan Kesalahan
VII	Am

Setiap bahagian mengandungi beberapa peruntukan yang telah disusun mengikut kategori yang ditetapkan. Bahagian I mengandungi pendahuluan mengenai maksud tafsiran bagi ejen, pegawai dan pengarah Biro, suapan, majikan dan badan awam. Bahagian II menyatakan tentang lantikan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Biro Mencegah Rasuah, tugas dan tanggungjawab mereka. Bahagian III menerangkan mengenai jenis-jenis kesalahan rasuah yang dilakukan oleh orang awam, kakitangan atau pegawai kerajaan, bentuk hukuman denda dan pemenjaraan, kesalahan bagi membuat tuntutan palsu, memiliki harta yang tidak dapat dijelaskan, kesalahan bagi penyalahgunaan dana awam oleh pegawai kerajaan untuk tujuan peribadi, kesalahan bagi salah laku pegawai kerajaan iaitu cuai dalam menjalankan tugas, kesalahan bersubahat, percubaan melakukan rasuah, konspirasi, kesalahan bagi seseorang kakitangan atau pegawai kerajaan jika tidak melaporkan kesalahan rasuah. Bahagian IV menerangkan tentang bidang kuasa BMR dalam menjalankan penyiasatan keatas kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam bahagian III iaitu kuasa penangkapan, ikat jamin, membuat pengeledahan dan kuasa memohon bantuan daripada Jabatan-Jabatan kerajaan Brunei ataupun daripada pihak swasta untuk memberi bantuan dalam penyiasatan BMR, penyitaan bahan bukti, penyerahan dokumen perjalanan bagi tertuduh. Bahagian V ialah menerangkan tentang bahan bukti yang mana di dalam peruntukan ini, BMR diberi kuasa untuk mengambil keterangan daripada tertuduh atau saksi samada secara lisan ataupun bertulis dan terdapat juga peruntukan dalam memberi perlindungan ke atas pemberi maklumat. Bahagian VI ialah penerangan tentang prosedur yang perlu dilaksanakan sebelum membuat pendakwaan yang mana pihak Timbalan Pendakwa Raya memberi kebenaran dan mengeluarkan waran tangkapan ke atas tertuduh untuk dibawa ke Mahkamah dan bidang kuasa pihak Mahkamah dalam membicarakan kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam Akta ini. Bahagian VII iaitu bahagian AM yang menerangkan mengenai kesalahan-kesalahan bagi orang yang membuat laporan palsu kepada Jabatan BMR dan hukuman yang akan dikenakan ke atas orang tersebut, kesalahan bagi orang yang menentang atau menghalang pegawai-pegawai Biro semasa menjalankan tugas penyiasatan dan hukumannya, kesalahan mendedahkan identiti orang yang disiasat dan liabiliti penduduk warganegara Brunei jika melakukan kesalahan rasuah di luar negeri.

Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 memberi kuasa kepada BMR untuk menyiasat semua kes rasuah sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta. Berdasarkan hasil maklumat yang diperolehi berhubung dengan kes jenayah rasuah yang berlaku di Negara Brunei Darussalam dari tahun 2018 sehingga 2023, sebanyak 94 kes rasuah di Negara Brunei Darussalam yang telah disokong untuk dibawa ke muka pengadilan setelah siasatan berjaya dibuktikan oleh pihak BMR seperti di dalam **Jadual 2:-**

**Jadual 2: Stastistik kes rasuah yang telah dihadapi kepada pihak pendakwa raya dari tahun 2018 hingga 2023**

Tahun	Jumlah kes
2018	16
2019	15
2020	26
2021	22
2022	11
Jan-Sept 2023	4
<b>Jumlah Keseluruhan kes</b>	<b>94</b>

Berdasarkan daripada statistik terkini, kita dapat lihat kadar jenayah rasuah masih di tahap yang sederhana, namun ini tidak bermakna kita di dalam zon yang selesa.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dalam proses pengumpulan dan penganalisan data dengan mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan terdiri daripada buku-buku antaranya ialah Fiqih Imam Syafi'i, Qanun Jenayah Syariah: Satu Pengenalan, Undang-Undang Jenayah Islam, Irsyad Hukum, Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, jurnal, data daripada laman sesawang BMR dan laporan berita tempatan bagi mengongsikan kes-kes sebenar yang telah berlaku di Negara Brunei Darussalam.

### Tinjauan Literatur

Berdasarkan penulisan-penulisan berkenaan tajuk kajian ini, pengkaji mendapati belum ada penyelidikan secara khusus dan komprehensif yang membincangkan mengenai konsep Akta Pencegahan Rasuah Menurut Perspektif Syara'di Negara Brunei Darussalam. Terdapat terbitan buku-buku yang menyentuh pengertian rasuah menurut undang-undang dan syara', menghuraikan kisah-kisah rasuah yang telah berlaku di zaman silam, implikasi daripada perbuatan rasuah, serta bagaimana menanganinya. Salah satu cadangan yang diberikan ialah menerapkan pendidikan ajaran agama Islam dari sejak kecil lagi agar memantapkan keimanan seseorang, ini kerana apabila keimanan bertapak di jiwa setiap orang nescaya perkara-perkara mungkar dan maksiat akan terhindar, sekaligus menjadikan masyarakat yang harmoni dan negara sentiasa dalam keadaan aman dan makmur (BMR, Jabatan Mufti 2008) (Pusat Dakwah Islamiyyah Brunei, 2009). Buku mengenai struktur organisasi BMR pula menerangkan tentang tugas-tugas penyiasatan yang dilaksanakan BMR berdasarkan Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan penubuhan unit pencegahan dan pendidikan di dalam jabatan berkenaan (BMR, Jabatan Penerangan Brunei). Selain itu terdapat penulisan yang memfokuskan tentang konsep rasuah menurut perspektif Melayu Islam Beraja. Antaranya menurut perspektif Melayu, rasuah juga disebut sebagai 'duit kopi', 'tumbuk rusuk', 'belanja kopi', 'pembasah leher', 'pekaras', 'boleh runding', 'faham-faham saja', 'kantau', 'sunglau' dan lain-lain lagi. Rasuah menurut perspektif Islam pula dikategorikan sebagai amalan berdosa besar kerana terdapat unsur kezaliman iaitu mengambil hak orang dengan jalan yang salah. Rasuah menurut perspektif Beraja ditekankan tentang kewajipan mentaati ulul amri iaitu Raja sebagai Ketua Agama Islam dan Ketua Kerajaan dengan mendukung undang-undang negara dalam sama-sama membentaras jenayah rasuah (BMR, Universiti Brunei Darussalam, 2017). Menurut perspektif Hadith pula rasuah merupakan perbuatan terlaknat dalam Islam, namun tiada hukuman spesifik yang dinyatakan dalam hadith bagi jenayah rasuah kerana ia dikategorikan

di bawah hukum *ta'zir* (Nurul Syhadah *et al.*, 2023). *Ta'zir* adalah hukuman yang tidak ada nash yang jelas di dalam al-Quran dan Hadith sehingga hukuman tersebut harus ditetapkan oleh pemerintah dengan cara berijtihad (Ahmad Syarbaini, 2024).

Selain itu, kajian-kajian yang dijalankan oleh Mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyentuh tentang perbandingan antara hadiah dan rasuah. Rasuah ialah sesuatu pemberian untuk memenuhi kepentingan atau membatalkan hak dengan syarat manakala hadiah ialah pemberian tanpa balasan atau tanpa syarat menurut Nurul Hayat (2001). Pengertian yang sama juga ada di dapati dalam artikel (Mohd Ali Mohd Yusof, 2002) yang menyatakan rasuah diberikan setelah diminta dengan syarat-syarat tertentu atau terikat dalam bentuk tindakan tertentu sedangkan hadiah diberikan secara sukarela tanpa terikat dengan apa-apa syarat atau bentuk tindakan. Beliau juga menambah bahawa terdapat lagi tiga perbezaan antara hadiah dan rasuah iaitu pertama, hadiah diharuskan mengikut hukum syara' sementara rasuah diharamkan. Kedua, hadiah tidak mensyaratkan kepada penerima agar menyebelahi pemberi, sedangkan rasuah mensyaratkan agar menyebelahi pemberi untuk kepentingan tertentu. Perbezaan ketiga ialah pemberian hadiah merupakan sifat yang mulia kerana ianya boleh menghubungkan silaturahim sesama manusia dan rasuah pula merupakan sifat yang buruk dan keji kerana ia boleh menghancurkan masyarakat dan negara. Faktor dalaman yang menyebabkan seseorang itu melakukan kesalahan rasuah disebabkan beberapa faktor iaitu sikap pentingkan diri, tamak, ingin hidup mewah melebihi daripada kemampuan (Khamam Khosiin, 2020) dan mengabaikan nilai dan tuntutan agama (Enida Daud, 2019). Bukan itu sahaja, kelemahan pemimpin yang bersikap mementingkan diri dan materialistik serta penguatkuasaan undang-undang dalam negara yang lemah merupakan antara faktor berlakunya rasuah (Cyril *et al.*, 2023). Oleh itu pendekatan menangani rasuah berdasarkan maqasid syariah perlu dilaksanakan dengan memastikan hasil pekerjaan yang dikerjakan adalah daripada sumber yang halal dan menerapkan sifat adil, jujur dan amanah dalam pengurusan atau pentadbiran kerana ianya dapat membantu menjaga kemaslahatan masyarakat dan negara (Azman *et al.*, 2023)(Nurwahida, 2022).

Nuratiqah binti Aji (2017) pula telah membuat kajian mengenai perbandingan perundangan Negara Brunei Darussalam antara tiga Akta iaitu Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, Akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 atas kesalahan jenayah rasuah. Adinda Febriana (2020) telah membuat kajian tentang perbandingan hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah rasuah di Indonesia dan Malaysia. Di Indonesia, walaupun undang-undang membentaras rasuah telah dilaksanakan tetapi kes-kes rasuah masih lagi berleluasa dan kerugian negara belum pulih sepenuhnya. Tidak seperti negara Malaysia yang mengenakan hukuman bayaran denda dengan 5 kali ganda nilai suapan yang diberi mengikut mana-mana yang lebih tinggi kepada kerajaan, secara tidak langsung ianya dapat mengembalikan kerugian negara. Herlin (2023) dalam kajiannya pula, membuat perbandingan sistem perundangan bagi kesalahan rasuah antara 3 buah negara iaitu Amerika Syarikat, Malaysia dan Singapura. Di antara 3 buah negara tersebut, Singapura mencatatkan indeks perspesi rasuah yang terendah kerana sistem perundangan yang ketat iaitu menggunakan Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan memiliki Jabatan *Corrupt Practices Investigation Bureau* yang efektif. Pelaksanaan Undang-Undang dan penguatkuasaan, etika sesebuah organisasi, integriti penjawat awam adalah usaha-usaha yang efektif untuk membentaras gejala rasuah (Muhammad Afham *et al.*, 2023).



Ringkasnya, kajian mengenai Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 menurut perspektif syara' di Negara Brunei Darussalam kurang dibincangkan. Maka pengkaji melihat terdapat jurang-jurang di dalam kajian sedia ada. Justeru kajian mengenai Akta ini menurut perspektif syara' perlu dilaksanakan.

### Definisi Rasuah Dari Segi Bahasa

Perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab iaitu *ar-rasywah* yang bermaksud sesuatu penyambung yang dapat mencapai tujuan dengan menggunakan harta sogokan. *Rasya* bermakna tali timba yang digunakan untuk mengambil air di perigi. Di dalam bahasa arab pemberi rasuah di sebut dengan *Ar-rasyi* bermaksud orang yang memberikan sesuatu kepada pihak kedua bagi menyokong perbuatan salahnya dan penerima rasuah disebut *al-murtasyi*. *Raisy* adalah orang perantaraan di antara pemberi dan penerima rasuah (Abu Abdul Halim, 1998) (Jabatan Mufti Brunei, 2004) (Mohd Zaini, 2008) (Afriadi Sanusi, Sharifah Hayati, 2016).

Dalam kamus Dewan, rasuah ditakrifkan sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap) (wang) suap (Zaini Yahya, Mohd Sukki, 2009) (Kamus Inggeris Melayu Dewan) (Zaini Abd Samad, 2008) (Noraida Harun, Jady Hassim, 2015). Menurut Brooks ialah melakukan kesalahan semasa menjalankan tugas atau menyalahgunakan kuasa untuk memperolehi sesuatu. Menurut Syed Hussien Alatas rasuah adalah penipuan terhadap kerajaan dan syarikat swasta ataupun kepada orang awam (Syed Hussien Alatas, 2009) (Ahmad Nasyran, Haji Hairuddin, Khadijah, 2018).

### Rasuah Menurut Hukum Syara'

Rasuah sebagai sesuatu yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai kuasa atau jawatan untuk memenangkan kesnya dengan menewaskan pihak lawannya bagi mencapai apa yang diinginkannya atau untuk memberikan peluang kepadanya untuk menyingkirkan saingannya (Yusuf al-Qardawi, 1995). Rasuah menurut Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz ialah memberikan harta kepada seseorang sebagai imbalan kepada tugas yang telah dilaksanakan. (BMR, Universiti Brunei Darussalam, 2017).

Rasuah adalah perbuatan yang zalim kerana mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah. Perkataan rasuah tidak ada disebutkan di dalam al-Quran, namun ianya tidak bermakna al-Quran membenarkan umatnya mengamalkan perbuatan rasuah (Zaini Yahya, Mohd Sukki 2009). Hukum melakukan perbuatan rasuah adalah haram dan mendapat dosa besar. Ini berdasarkan daripada dalil al-Quran sepertimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* di dalam Surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ  
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahnya:

“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta-harta orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui”.

Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* lagi di dalam Surah al-Maidah ayat 42:

سَمَاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْأَلُونَ لِلسُّحْتِ

Terjemahnya:

“Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)”.

Ayat ini menerangkan tentang larangan mengambil harta orang lain dengan cara yang salah termasuklah memberi rasuah. Contoh seseorang yang memberikan rasuah kepada hakim untuk memenangkan kesnya walaupun dia tahu bahawa dia sebenarnya di pihak yang salah. Islam adalah agama yang menyuruh manusia agar menghormati hak orang lain kerana perbuatan rasuah dapat menjerumuskan seseorang itu masuk ke dalam api neraka. Perbuatan rasuah merupakan sifat dan karakter orang-orang Yahudi yang sentiasa mengagungkan kebatilan, pembohongan serta memakan rasuah. Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* turut menjelaskan perbuatan rasuah sebagai perbuatan yang dilaknat sepertimana riwayat hadis dari Abi Hurairah *Radhiyallahu anhu* bahawa Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda (Jabatan Mufti, 2004).

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

“Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* telah melaknat pemberian rasuah dan penerima rasuah dalam penetapan keputusan (pemerintahan, pentadbiran, kehakiman dan sebagainya)”. (Riwayat Al-Imam At-Termidzi)

Berdasarkan dalil-dalil di atas, larangan ini bukan sahaja ditujukan kepada orang yang memberi rasuah tetapi termasuk juga ke atas orang yang menerima dan sesiapa sahaja yang bersubahat dan terlibat dalam melakukan jenayah rasuah.

### **Rasuah Menurut Undang-Undang**

Dari sudut undang-undang, pengertian rasuah tidak dinyatakan kerana definisi rasuah agak meluas dan pengertian rasuah membawa maksud dari pelbagai sudut. Hanya perkataan suapan yang ditakrifkan dalam bab 2 di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 yang mana adalah seperti berikut:

- a) Wang atau apa jua pemberian, upah, ganjaran berharga atau harta benda lain atau kepentingan harta benda dalam apa jua bentuk sama ada yang boleh digerakkan atau tidak;
- b) Jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan atau perjanjian memberi pekerjaan atau khidmat;
- c) Pembayaran, pembebasan, penjelasan atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggungjawab atau tanggungan sama ada sebahagian atau keseluruhannya;
- d) Pulangan berharga, diskaun, komisen, rebet dan bonus;
- e) Menahan diri dari menuntut wang atau sesuatu yang bernilai wang atau barang berharga;
- f) Bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh;
- g) Perkhidmatan lain, pertolongan atau faedah;
- h) Tawaran, jaminan atau janji untuk memberi atau apa jua suapan seperti disebutkan di atas.

Dalam peruntukan bab 4A di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 menyatakan bahawa BMR mempunyai bidang kuasa dalam menerima laporan, menimbang maklumat yang diberikan, mengesan dan menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana kesalahan rasuah yang terdapat di dalam akta ini. Peruntukan ini selaras dengan ajaran agama Islam yang mana menganjurkan agar menyiasat terlebih dahulu bagi mengesahkan kesahihan aduan atau laporan dan maklumat yang telah diberikan sama ada ianya benar atau fitnah semata-mata sepertimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* di dalam surah al-Hujurat ayat 6 tafsirnya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَى مَا  
فَعَلْتُمْ نَدِمِي

Terjemahnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*

Oleh yang demikian, setiap aduan atau laporan yang diterima oleh pihak BMR akan diselidiki terlebih dahulu sebelum pihak BMR membuat keputusan untuk membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan selanjutnya.

Bagi menangani kesalahan jenayah rasuah di Negara Brunei Darussalam, terdapat peruntukan undang-undang yang dikanunkan bagi tiga jenis kesalahan rasuah iaitu di dalam Bahagian III, di bawah Bab 6(a), (b) dan (c) yang dilakukan oleh ejen kerajaan.

#### **Bab 6 (a) – Menerima rasuah**

Sesiapa yang secara tidak jujur memperolehi atau menerima suapan sama ada untuk dirinya atau orang lain sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu dalam apa jua urusan. Hukuman denda maksimum BND\$30,000 dan penjara 7 tahun (BMR, Universiti Brunei Darussalam, 2017).

Dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn Haji Mohammad Haikal*, defendan telah didapati bersalah di bawah bab 6(a), Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan dihukum penjara selama 3 tahun. Mahkamah telah mengarahkan defendan untuk membayar denda sebanyak BND\$4912.00 iaitu jumlah suapan yang telah defendan terima hasil kegiatan jenayahnya, walau bagaimanapun defendan gagal membayar denda tersebut dan Mahkamah telah menetapkan tambahan 5 bulan pemenjaraan ke atas defendan. Siasatan BMR mendapati bahawa semasa kejadian berlaku iaitu sekitar tahun 2017 dan 2018, defendan sebagai pegawai kastam yang bertugas di Pos Kawalan Sungai Tujuh telah membuat pemeriksaan kereta dan memastikan barang tegahan tidak memasuki ke Negara Brunei Darussalam tanpa pengisytiharan. Semasa menjalankan pemeriksaan, defendan telah mendapati bahawa Reginalo Chong Cheng Jian telah melakukan kesalahan di bawah Perintah Kastam, 2006 iaitu telah membawa masuk minuman keras dan rokok ke Negara Brunei Darussalam tanpa membuat pengisytiharan. Lalu Reginalo Chong Cheng Jian telah menawarkan wang suapan yang berjumlah BND\$50.00 hingga BND\$500.00 kepada defendan sebagai dorongan atau ganjaran agar tidak mengambil tindakan keatas dirinya dan defendan menerima wang suapan tersebut. (Media Permata, 2020).



### Bab 6 (b) – Memberi rasuah

Sesiapa yang secara tidak jujur memberi atau bersetuju memberi atau menawarkan apa jua bentuk suapan kepada sesiapa atau mana-mana ejen sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu dalam apa jua perbuatan sama ada yang berhubung ataupun tidak berhubung dengan hal-hal atau urusan orang yang utamanya. Hukuman denda maksimum BND\$30,000 dan penjara 7 tahun (BMR, Universiti Brunei Darussalam, 2017).

Dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn Reginalo Chong Cheng Jian*, defendan telah didapati bersalah dibawah bab 6(b), Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 3 tahun ke atas defendan. Siasatan BMR mendapati bahawa defendan telah memberi wang suapan beberapa kali yang berjumlah BND\$50.00 hingga BND\$500.00 sekitar tahun 2017 dan 2018 kepada *Haji Mohammad Haikal* pegawai kastam sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil tindakan ke atas dirinya setelah melakukan kesalahan di bawah Perintah Kastam, 2006 iaitu telah membawa masuk minuman keras dan rokok ke Negara Brunei Darussalam tanpa pengisytiharan (Media Permata, 2020).

Berdasarkan kepada kes ini, kedua-dua defendan sebagai pemberi dan penerima telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang di dakwa ke atas mereka. Mahkamah mendapati kedua-dua defendan bersalah dan telah dijatuhkan hukuman pemenjaraan ke atas perbuatan rasuah yang telah mereka lakukan. Perbuatan jenayah ini tidak boleh diterima apalagi pelakunya merupakan salah seorang kakitangan agensi penguatkuasa yang telah diamanahkan dan diberi tanggungjawab menjaga keselamatan negara, namun apa yang telah dilakukannya iaitu menerima wang suapan demi melindungi pesalah undang-undang adalah sangat mengecewakan. Akibat daripada perbuatan sedemikian akan membuatkan orang ramai hilang kepercayaan terhadap agensi penguatkuasa. Bukan itu sahaja dengan memberi laluan kepada kemasukan barang-barang tegahan boleh jadi permulaan awal bagi membuka ruang untuk melakukan aktiviti jenayah yang lebih merbahaya terutama sekali dalam aktiviti penyeludupan dadah dan senjata api. Jika perkara ini tidak dibanteras dari awal lagi ianya boleh mengancam keselamatan masyarakat Brunei. Oleh itu, jelaslah sebab mengapa agama Islam mengharamkan perbuatan rasuah. Ianya bukan sahaja menyebabkan keruntuhan akhlak pemberi dan penerima malahan boleh mengancam dan menghancurkan sesebuah negara. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Buraidah bahawa Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda:

“Barangsiapa yang kami angkat menjadi pegawai dengan tugas tertentu, dan telah kami berikan upah sebagaimana mestinya, maka apa yang diambil diluar daripada apa yang telah diberikan, maka itu namanya pengkhianatan (rasuah). (Hadis Riwayat Abu Daud).

Hadis ini menerangkan bahawa jika seorang kakitangan atau pegawai menerima gaji dalam melaksanakan tugas rasminya tetapi jika dia masih meminta atau menerima wang selain daripada gajinya maka ianya adalah haram kerana ia telah mengkhianati amanah yang telah diberikan kepadanya.

Bentuk hukuman bagi kesalahan di bawah bab 6 di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 ialah hukuman denda maksimum BND\$30.000 dan pemenjaraan selama 7 tahun. Namun di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 tidak ada peruntukan bagi mana-mana kesalahan rasuah. Rasuah termasuk sebagai kesalahan ta'zir dan bukan kesalahan had. Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, sungguhpun ada kesalahan-kesalahan ta'zir juga diperuntukkan, namun masih sahaja tidak ada diperuntukkan berhubung

kesalahan rasuah (Mufti Brunei, 2013). Akta rasuah setakat ini hanya diberi kuatkuasa untuk dilaksanakan di bawah sistem perundangan sivil Brunei. Oleh yang demikian, hukuman ke atas sesuatu pelanggaran yang tidak ditentukan oleh Allah dan Rasul-Nya maka ancamannya berupa ta'zir yakni hukuman berdasarkan kebijaksanaan hakim (Abu Abdul Halim, 1998). Hukuman ta'zir adalah merupakan satu hukuman daripada Allah *Subhanahu Wata'ala* kepada hambahambanya ianya merupakan keistimewaan kepada pemimpin atau pemerintah Islam yang sah, badan perundangan atau hakim untuk menentukan hukumnya, bergantung kepada keperluan dan kemaslahatan (Mufti Brunei, 2013). Maka pemerintah wajib menghukum pelaku rasuah baik yang menerima atau pun memberi kerana Allah melaknat mereka melalui lisan nabi (Syeikh Abdurrahman As-Sa'dy, 2008). Dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn Haji Mohammad Haikal* dan *Timbalan Pendakwa Raya lwn Reginalo Chong Cheng Jian* hukuman yang dikenakan kepada mereka adalah berdasarkan hukuman ta'zir kerana antara jenis hukuman ta'zir ialah pemenjaraan, pengisytiharan nama pesalah serta jenis kesalahan ada diumumkan di media massa. Ini bertujuan untuk memberi peringatan atau iktibar kepada masyarakat amnya supaya tidak melakukan perbuatan yang sama (Rosli Mokhtar, Mohd Fikri, 2008). Keputusan yang dibuat oleh hakim ialah menggunakan budi bicara dan kebijaksanaan dalam mengenakan hukuman yang adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya (Dr Mohd Nor Manuty, 1998). Ianya juga berdasarkan kemashlahatan dan melihat kepada tahap kadar jenayah rasuah di Negara Brunei Darussalam.

#### **Bab 6 (c) -Menghadapkan tuntutan palsu**

Mana-mana ejen yang terlibat dengan rasuah sama ada sebagai pemberi atau penerima sogokan dengan mempunyai niat untuk mengelirukan majikan atau sesebuah Jabatan serta sengaja memalsukan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab seorang ejen. Hukuman denda BND\$30,000 dan penjara 7 tahun (BMR, Universiti Brunei Darussalam, 2017).

Dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn Alina binti Mohd Ariffin*, defendan telah didapati bersalah dibawah bab 6(c), Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan dijatuhkan hukuman 12 bulan penjara bagi kesalahan menghadapkan dokumen yang mengandungi keterangan palsu kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK). Menurut siasatan BMR, defendan merupakan ejen bebas yang telah menawarkan kepada empat orang warga asing dari Indonesia dan Filipina yang memegang Pas Lawatan Sosial untuk mendapatkan Kad Pengenalan Hijau dengan mengenakan bayaran antara BND\$1,200 hingga BND\$1,800. Setelah menerima bayaran tersebut, defendan kemudian menyerahkan empat borang permohonan Kad Pengenalan Hijau kepada kerani pendaftaran di JIPK. Di dalam borang permohonan tersebut, keterangan yang mengatakan para pemohon bekerja sebagai pemandu dan pembantu rumah adalah tidak benar, sedangkan defendan mengetahuinya. Tujuan defendan berbuat demikian adalah untuk mengelirukan JIPK. (Borneo Bulletin, 2022).

Oleh yang demikian, bagi peruntukan kesalahan rasuah di dalam bab 6 hanya bahagian (a) dan (b) yang disebutkan bagi kesalahan memberi dan menerima suapan sebagai dorongan atau upah. Bahagian (c) adalah lebih dikhususkan kepada kesalahan menghadapkan dokumen yang mengandungi pernyataan yang tidak betul atau butiran palsu bagi mengelirukan majikan atau ketua jabatan.

Menurut Ibnu Hajar *Rahimahullah*, selain kesalahan memberi dan menerima rasuah, orang yang menjadi pengantaraan sama ada daripada pihak pemberi atau penerima rasuah (Jabatan Mufti, 2004) sepertimana hadis yang diriwayatkan dari Ahmad:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ وَالرَّائِشَ يَعْنِي الَّذِي يَمْشِي بَيْنَهُمْ

“Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara antara keduanya”

Dosa melakukan perbuatan rasuah tidak menilai jumlah harta yang diberikan untuk melakukan rasuah, dosanya tetap sama walaupun banyak atau sedikit sama ada ia bertindak sebagai pemberi, penerima atau menjadi orang tengah. Di dalam perundangan Brunei, peruntukan bagi kesalahan bersubahat ini ada ditetapkan di bawah bab 13 di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 iaitu kesalahan bersubahat yang mana menyatakan bahawa sesiapa yang melakukan subahat jika sabit kesalahan akan dihukum dengan peruntukan hukuman bagi kesalahan tersebut. Peruntukan yang sama juga ada ditetapkan di dalam bab 109, Akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan bab 41 di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Di dalam perundangan Negara Brunei Darussalam, kesalahan rasuah bukan saja dikanunkan di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, malahan peruntukan kesalahan rasuah ada terdapat di dalam bab 165 di bawah Akta Kanun Hukum Jenayah, Penggal 22 dan di dalam bab 145, Peraturan Kastam, Brunei. Ini bermakna seseorang yang melakukan rasuah tidak akan terlepas begitu sahaja kerana terdapat peruntukan lain yang dapat mensabitkan kesalahan rasuah. Usaha menentang rasuah tidak dilaksanakan sambil lewa sahaja seperti melepaskan batuk di tangga tetapi komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam dapat dilihat melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadin Waddaulah Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat kali ke -19 pada 12 Disember 1981.

“Beta dengan setegas-tegasnya menekankan bahawa sikap jujur dan amanah itu hendaklah dipupuk berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam, yakni, Beta sama sekali menegah pegawai-pegawai dalam kerajaan Beta mengamalkan apa jua bentuk *corruption* atau rasuah. Insya-Allah, Beta akan mengambil tindakan tegas bagi mencegah sebarang rupa bentuk rasuah di kalangan pegawai-pegawai di dalam kerajaan Beta.”

Dalam titah Baginda, jelas memperlihatkan hasrat dan komitmen negara dalam menentang rasuah di mana kerajaan Brunei mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja yang berperanan untuk menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam*.

### **Rasuah dari segi pembuktian**

Bagi mensabitkan kesalahan jenayah rasuah, bahan bukti diperlukan bagi membantu siasatan melalui proses mengambil keterangan daripada tertuduh sama ada secara lisan ataupun bertulis. Keterangan lisan adalah apa-apa pernyataan yang dibenarkan oleh Mahkamah atau pernyataan yang diperlukan daripada saksi dihadapan pihak mahkamah berhubung dengan segala fakta yang disiasat. Manakala keterangan secara dokumentari adalah merupakan semua dokumen-dokumen yang telah dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah (Akta Keterangan, Penggal 108). Dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, bahagian pembuktian ada dijelaskan di dalam bab 24A yang mana keterangan tertuduh mengandungi pengakuan atau penafian sama ada secara lisan atau bertulis yang dibuat pada bila-bila masa sama ada sebelum atau selepas

tertuduh didakwa. Di dalam bab 24A sub-seksyen (3) keterangan yang diambil hendaklah secara sukarela tanpa ugutan, dorongan atau janji kerana merujuk di dalam bab yang sama, sub-seksyen (4) jika keterangan dibuat atas dasar paksaan atau janji maka pihak Mahkamah tidak akan menerima keterangan tersebut (Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131). Namun, merujuk peruntukan bab 72 di dalam Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001, bagi keterangan saksi atau *iqrar* (pengakuan) daripada tertuduh di dalam prosiding kehakiman atau dihadapan seorang pegawai penguatkuasa undang-undang dan apabila pernyataan tersebut ditandatangani oleh saksi atau tertuduh dan pegawai yang mengambil keterangan maka Mahkamah menganggap pernyataan dokumen rekod keterangan tersebut adalah benar dan di ambil dengan sempurna (Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001). Menurut peruntukan di dalam bab 22 sub-seksyen (1) setiap orang yang dikehendaki oleh mana-mana pegawai BMR, adalah menjadi kewajipan ke atasnya untuk memberikan maklumat kepada pihak BMR dan di dalam bab yang sama, sub-seksyen (2) barangsiapa yang gagal memberikan maklumat seperti yang dikehendaki, maka jika sabit kesalahan akan di denda sebanyak BND\$20,000 dan pemenjaraan selama 1 tahun. Pengakuan dan menjadi saksi adalah disyariatkan di dalam agama Islam (Dr Wahbah Zuhaili, 2010) berdasarkan firman Allah *Subhanahu Wata'ala* di dalam surah an-Nisa ayat 135:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ

Terjemahannya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu benar-benar penegak keadilan serta menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap dirimu kamu sendiri atau orang ibu-bapa dan kaum kerabatmu”

Peruntukan bab 22 (1) dan (2) di dalam akta ini memang selaras dengan apa yang disebutkan di dalam al-Quran yang mana jika seseorang dituntut memberi maklumat ataupun kesaksian maka adalah menjadi kewajipan ke atasnya untuk memberikannya kepada pihak yang berwajib (Abdurrahman Al-Maliki, Ahmad Ad-Darur, 2011) sepertimana dalam firman Allah *Subhanahu Wata'ala* di dalam surah al-Baqarah ayat 282:

وَلَا يَأْتِ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

“Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil”.

Selain memberi keterangan sebagai saksi dalam membantu siasatan pihak BMR, peruntukan perlindungan ke atas pemberi maklumat juga ada dinyatakan di dalam bab 30 di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Peruntukan ini memberi hak perlindungan ke atas pemberi maklumat yang melaporkan kesalahan rasuah kepada pihak BMR dengan merahsiakan identiti sebenar pemberi maklumat. Peruntukan ini bertujuan agar orang ramai tidak merasa takut dan ragu untuk melaporkan kegiatan rasuah kepada pihak BMR kerana dengan adanya maklumat dan kerjasama yang diberikan oleh orang ramai secara tidak langsung, masyarakat dan pihak kerajaan sama-sama berganding bahu dalam mencegah berlakunya kegiatan rasuah.

## Kesimpulan

Negara Brunei Darussalam adalah negara Islam yang sentiasa menekankan nilai-nilai ajaran agama Islam termasuklah dalam melaksanakan hukuman di dalam perundangan sivil atau undang-undang Syariah. Apabila menganalisis peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, pengkaji mendapati peruntukan-peruntukan tersebut di gubal berlandaskan konsep syariat ajaran Islam secara amnya. Daripada perspektif syara' pula, persamaan yang paling ketara ialah daripada bentuk hukuman iaitu *ta'zir* bagi pesalah rasuah. Walaupun tidak ada peruntukan kesalahan rasuah di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, ianya tidak menghalang daripada membawa pesalah rasuah ke muka pengadilan kerana terdapat Akta lain seperti Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan Akta Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 untuk mensabitkan kesalahan rasuah.

Mencegah lebih baik daripada mengubati sama seperti halnya gejala rasuah yang perlu dicegah sebelum ianya berleluasa. Pencegahan perlu dilaksanakan dengan penerapan pendidikan Islam dari kecil lagi kerana ia amat penting bagi membentuk peribadi seseorang menjadikan insan yang beriman dan bertakwa. Setiap kakitangan atau pegawai di sektor kerajaan atau sektor swasta haruslah menerapkan sifat yang adil dalam pengurusan, mengemaskini urus tadbir dengan amanah dan merangka hukuman bagi pesalah rasuah demi menjaga kemaslahatan diri dan juga masyarakat.

## Rujukan

Al-Quran Dan Terjemahan.

- A Ab Rahman, MYA Aziz, Az Salleh, An Kamarulzaman. (2023). Gejala Rasuah Dan Implikasi Terhadap Masyarakat Malaysia Menurut Perspektif Syarak. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol 28.No.2.
- A Ab Rahman, NWA Lokman, LM Zain, SMN Syed Omar. Setiawan. (2022). Pendekatan Menangani Rasuah Menurut Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic Studies*. Vol 26.No 2.
- A Febriana.V Salsabila.(2020). Pengaturan Tindak Pindana Korupsi (Suap) Menurut Hukum Pidana Indonesia Dan Hukum Pidana Malaysia. *DATIN Law Jurnal*.
- A.Syarbaini. (2024). Termonologi Korupsi Menurut Hukum Pidana Islam. *Jurnal Tahqiq. Jurnal Pemikiran Hukum Islam*. Vol 18.No 1.
- Abu Abdul Halim Ahmad.S (1998). *Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam*. Kuala Lumpur. Pustaka Syuhada.
- Abdurrahman al-Maliki. Ahmad Ad-Darur (2011), *Sistem Sanksi Dan Hukum Pembuktian Dalam Islam*. Pustaka Tahriqul Izzah.
- Akta Keterangan ( Penggal 108).
- Akta Kanun Hukuman Jenayah Penggal, 22, Brunei.
- Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, Brunei.
- Azrae, A.N, Megat Latif H.H, Mohamed K. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal of Law, Government and Communications*. 3(13), 218-235.
- Biro Mencegah Rasuah, Universiti Brunei Darussalam.( 2017). *Melayu Islam Beraja Dalam Membenters Rasuah*. Jabatan Percetakan. Jabatan Perdana Menteri. Negara Brunei Darussalam.
- Borneo Bulletin. 26 Mei 2010. *Jail Time for Immigration Cheat*: Retrived From: <https://borneobulletin.com.bn/jail-time-for-immigration-cheat-2/>.



- CC Hildi, CBA Daniel, MAD Mohd Suffian, IHM Parid, MHI Haszreiman. (2023). Kesan Rasuah Terhadap Masyarakat : Kajian Rintis Daripada Perspektif Mahasiswa Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Vol 3.No.1,
- Dr.Yusuf Al-Qardhawi (1995). Halal Dan Haram Dalam Islam.Penterjemah Syed Ahmad Semait.Singapura. Pustaka Islamiyah Pte Ltd.
- Enida Daud. (2019). Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak BerkuasaTempatan. Jurnal Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia. Vol 17. No.2
- Harun.N. Hassim J.(2015). Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah. Penyelesaian Menurut Islam. International Seminar On Al-Quran in Contemporary Society.
- H.Priatiningsih. (2023). Analisis Sistem Hukum Tindak Pidana Korupsi:Perbandingan Antara Sistem Hukum Amerika Serikat, Malaysia Dan Singapura. Jurnal Hukum Positum.Vol 8.No 1.
- Jabatan Mufti Kerajaan. (2004). Irsyad Hukum. Negara Brunei Darussalam : Akhbar Printing & Trading Co. Sdn Bhd.
- K Khosiin. (2020). Mempersiapkan Pemimpin Masa Depan Yang Anti Korupsi.Jurnal Pusaka. Media Kajian dan Pemikiran Islam. Vol.9. No.2.
- Kamus Dewan Edisi keempat (2005), Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Dawama Sdn Bhd.
- MAM Zaidi, AA Maryani, JKT Yuan, MD Farok, NAB Ramli,TK Lun, CH Yi.YZ Hui, NA Razali.(2023) Rasuah: Pencapaian Persekitaran Bebas Rasuah Melalui Transformasi Kepimpinan Berintegriti.Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.Vol.3. No.2. 33- 44.
- Media Permata Online.2 Februari 2021. *CPI:Brunei Kekal Di Tangga ke- 35*.Lihat: <https://mediapermata.com.bn/cpi-brunei-kekal-di-tangga-ke-35-2/>.
- Media Permata Online. 3 Julai 2020. Pegawai Penguatkuasa Kastam dihukum penjara, denda Lihat: <https://mediapermata.com.bn/pegawai-penguat-kuasa-dihukum-penjara-denda/>.
- Media Permata Online. 28 Oktober 2020. Dipenjara kerana beri terima rasuah.Lihat: <https://mediapermata.com.bn/dipenjara-kerana-beri-terima-rasuah-2>.
- Mohd Zaini Abdul Samad (2008), Memerangi Jenayah Rasuah, Perak.Pustaka Al-Ameer Sdn Bhd.
- Mohammad Zaini Yahya, Mohd.Sukku Othman. (2009). Haramkah Rasuah, Kuala Lumpur Pustaka Yamien Sdn Bhd.
- NSM Riza, MFM Ariffin, MS Harun. Nurul Syhadah.(2023). Rasuah Dalam Perspektif Hadith:Hukuman Dan Penguatkuasaan. Jurnal Ulwan, Special Issue II, Psikologi Dan Kesusteraan Ummah. Jilid 8 (Bil.2).
- Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned.(2013), Qanun Jenayah Syariah: Satu Pengenalan.
- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, Brunei.
- Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001, Brunei.
- Prof. Dr Wahbah Zuhaili (2008).Fiqh Imam Syafi'i. Jilid 3.Beirut.Darul Fikr
- Prof. Madya Dr.Mohammad Nor Manuty (1998). Pencegahan Rasuah Dari Perspektif Islam. Kuala Terengganu.
- Rosli Mokhtar.Mohd Fikri Che Hussein (2008).Undang-Undang Jenayah Islam.Johor Baharu. Impian Sdn Bhd.
- Sanusi A.Syed Ismail S.(2016). Analisis Strategi Membenters Rasuah Menurut Islam. Online Journal Research in Islamic Studies. 3(2) (2016):33-51.
- Syed Hussein Alatas. ( 2009). Korupsi Sifat, Sebab dan Fungsi.Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.